

06/06/1999

Litar F1 Sepang bersedia mahkotakan jaguh dunia

Halmi Samad

HAKIKAT Litar F1 Sepang, berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan menjadi gelanggang `kedua terakhir' bagi perlumbaan Formula Satu (F1) musim 1999, sekali gus sebagai medan saing paling sengit.

Sudah menjadi fakta bahawa perebutan takhta `Raja F1' sentiasa berlarutan sehingga ke penghujung musim. Jarang sekali berlaku pengesahan pemenang F1 ditandakan pada awal atau pertengahan musim.

Bertitik tolak daripada situ, litar sepanjang 5.542 kilometer hasil sentuhan Tilke Ingenieure Fir Umwelttechnik dan Iktisas Enginieurs, bakal menyaksikan pelumba jagoan seperti Mika Hakkinen, Michael Schumacher, Damon Hill dan Jacques Villeneuve, memperagakan kemahiran untuk bermegah di pentas podium selaku sang juara.

Apatah lagi, Litar F1 Sepang sememangnya direka cipta untuk membolehkan kereta terpacak seperti McLaren Mercedes dan Ferrari, memecut sehingga mencecah lebih 320 kilometer sejam (ksj).

Selekoh tertentu di litar berkenaan seperti selekoh 4, selekoh 7 dan selekoh 15, memiliki ciri saing yang berteraskan kuasa penentu untuk memilih pelumba yang bergelar juara sulung di litar berharga RM250 juta itu.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas melawat litar terbabit dilaporkan berkata reka bentuknya jauh lebih baik daripada yang disaksikan di Istoril, Portugal, September lalu.

Ketika ini, menurut Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim, plan utama kompleks litar lumba itu dibahagi kepada tiga peringkat, iaitu zon aktif, zon semi aktif dan zon pasif.

Zon aktif merangkumi litar lumba F-1 dan kemudahan lumba motor lain seperti pusat pemanduan selamat, trek kenderaan empat roda, trek motorcross dan pusat go-kart.

Pelbagai sukan rekreasi air pula disediakan di zon semi aktif yang turut merangkumi tasik. Sebuah hotel mewah dan kelas sederhana akan turut dibina di tepi tasik berkenaan. Zon pasif pula mengandungi kawasan berpayung yang akan dijadikan taman bunga dan rekreasi.

Dan, penampilan selaku litar sulung dalam sirkit F1, yang mengikut cadangan Bernie Ecclestone, disaksikan lebih 600 juta penonton di seluruh dunia untuk setiap perlumbaan, turut menjadi faktor menyemarakkan ceria litar berkenaan.

Sudah pasti, status sulung yang hanya baru dikecapi kehebatan litarnya oleh Hakkinen dan Eddie Irvine, tidak banyak memberi kelebihan ketara kepada pelumba tertentu. Baik kepada Hakkinen, mahu pun Irvine sendiri. Malah, pelumba Red Bull-Sauber-Petronas pun tidak boleh berbangga dengan kelebihan ditaja syarikat Malaysia - Petronas.

Seakan-akan menjadi rahsia tersirat bahawa dalam dunia perlumbaan F1, setiap pelumba harus membiasakan diri dengan sesuatu litar sekurang-kurangnya lebih 100 jam, sebelum boleh mendabik dada sebagai seorang yang arif dengan corak saing.

Bagi seorang pelumba F1, setiap detik memecut di selekoh atau laluan lurus, ada ceritanya tersendiri. Misalnya, corak berlumba di Melbourne (Australia), berbeza dengan Imola (San Marino), Sao Paulo (Brazil) atau dengan Monte Carlo (Monaco).

Biarpun ada yang mendakwa pakar litar Suzuka (Jepun), Budapest (Hungary), Spa-Francorchamps (Belgium); Barcelona (Sepanyol), Montreal

(Kanada), Spielberg (Austria), Nurburgring (Eropah) atau Magny-Cours (Perancis), namun tidak semestinya pelumba berkenaan akan sentiasa menang di situ.

Setiap tahun, detik cerita akan sentiasa diperbaharui. Yang lama, hanya tinggal sejarah. Ayrton Senna, sang jaguh dari Brazil yang dilestarikan selaku pelumba terbaik litar Imola, akhirnya menemui ajalnya di litar kesukaannya itu. Itulah babak penceritaan litar F1.

(END)